


*Suara*

# MITASA



## PEMANGKIN KEJAYAAN BERSAMA



OMBUDSMAN  
DAN UNIVERSITI

MESYUARAT AGUNG  
TRI TAHUNAN MITASA  
2025-2028

MAJLIS SAMBUTAN HARI  
DAN BULAN AKADEMIKA  
UITM 2025

PEMBENTANGAN LIMA KERTAS KERJA  
KESETERAAN PENYELIAAN MELIBATKAN  
KENAIKAN PANGKAT

WACANA TOKOH: BAHASA DAN JATI DIRI  
BANGSA DI KONVENSYEN 152 PERINGKAT  
KEBANGSAAN 2025



# Mesyuarat Agung Tri-Tahunan MITASA



- Pada 22 September 2025 telah berlangsung Mesyuarat Agung Tri-Tahunan MITASA melibatkan perubahan tampuk pentadbiran MITASA bagi penggal 2025-2028. Mesyuarat agung yang berlangsung di Kelab Selangor itu telah dihadiri hampir 100 ahli MITASA dari seluruh negara. Ahli-ahli yang juga pensyarah dari seluruh UiTM berkampung di Shah Alam selama dua hari bagi menghadiri mesyuarat dan perlawanan bowling yang diadakan bersempena dengan mesyuarat berkenaan.
- Mesyuarat agung yang dirasmikan oleh Presiden CUEPACS, Dato' Dr Haji Adnan Mat itu turut dihadiri oleh rakan-rakan kesatuan yang lain seperti Kesatuan Kakitangan Umum Universiti Teknologi Mara (KKUiTM) dan Persatuan Kakitangan Akademik UiTM (UTiMAS) dan sebagainya.
- Mesyuarat agung tahunan kali ini turut menyaksikan pertandingan jawatan melibatkan jawatan presiden dan lapan jawatan exco yang direbut ahli MITASA dari seluruh negeri. Jawatan Presiden dimenangi oleh Encik Mohd Amirul Akhbar Mohd Zulkifli manakala jawatan yang menang tanpa bertanding ialah Naib Presiden, Dr Adlan Abdul Razak, Setiausaha, Ts Nor Azlin Rosli, Penolong Setiausaha, Encik Mohd Shahrudin Mohmud dan Bendahari, Dr Mohammad Firdaus Ahmad.
- Lapan jawatan exco pula di menangi oleh Puan Atifah Othman, Dr Mohamad Ghazali Masuri, Dr Mahfuzah Mohammed Zabidi, Puan Haliza Ab Ghani, Encik Ahmad Syazwan Syuwari Nordin, Prof Madya Dr Saiful Aman Sulaiman, Dr Ahmad Mahyuddin Yusof dan Dr Dzaa Imma Abdul Latiff.
- Di dalam mesyuarat yang sama, sebanyak lapan usul telah dibawa iaitu meminda Perkara 4.1 dalam Perlembagaan MITASA iaitu menaikkan yuran keahlian daripada RM6.00 ke RM10.00, meminda Perkara 19.4 melibatkan (cek dan notis keluaran wang) kepada penggunaan perbankan elektronik (e-Banking) dalam urusan kewangan kesatuan. Usul seterusnya ialah meminda Perkara 19.5 melibatkan akaun tunai runcit untuk satu-satu masa daripada RM100 kepada RM500.
- Usul keempat ialah penambahan kepada Perkara 12.8 iaitu berkaitan pengganti Ahli Majlis Kerja jika berlaku kematian, perletakan jawatan atau terlucut hak, usul kelima pula penambahan Perkara 9.9 berkaitan hebahan atau kempen oleh calon yang bertanding jawatan yang dipertandingkan hanya dibenarkan selepas Notis Kedua Mesyuarat Agung Tri-Tahunan.
- Usul keenam pula ialah penambahan Perkara 9.9 (i) iaitu berkaitan tindakan kepada calon bertanding yang tidak mematuhi Perkara 9.9 melibatkan hebahan atau kempen oleh calon yang bertanding jawatan yang dipertandingkan hanya dibenarkan selepas Notis Ke-2. Usul ketujuh pula ialah penambahan Perkara 5.2 melibatkan pemberhentian ahli yang telah dilantik ke jawatan Profesor (VK7 dan ke atas) dan usul yang kelapan ialah tambahan kepada Perkara 3.1A iaitu berkaitan kelayakan menjadi ahli dan hak ahli melalui pengwujudan kategori "ahli bersekutu".

**PERFECTION IS NOT ATTAINABLE.**

**BUT IF WE CHASE PERFECTION,  
WE CAN CHASE**

**EXCELLENCE.**